



كوفراسي گورو ملايو كلنتن برحد
KOPERASI GURU MELAYU KELANTAN BERHAD

CATATAN MINIT MESYUARAT AGUNG KAWASAN TANAH MERAH

TARIKH : 20 APRIL 2019
TEMPAT : KOLEJ VOKASIONAL TANAH MERAH
MASA : 11.00 PAGI

**CATATAN MINIT MESYUARAT AGUNG KAWASAN
KAWASAN TANAH MERAH**

Tarikh : 20 April 2019
Tempat : Kolej Vokasional Tanah Merah
Masa : 11.00 pagi

2. Kehadiran :
- 2.1 Setiausaha Lembaga : Hj Mohd Razali b Hj Bakar
Bendahari : Hj Muhmad Saupi bin Yunus
Timbalan Setiausaha : En Mohd Zin bin Halim
ALK : Hj Ghazali b Jusoh
Hj Yahaya b Isa
En Mohamed Zahari bin Mohamed Zain
- JAD : Haji Mat Kait bin Abdullah
En Kamaruzaman bin Hj Daud
- 2.2 Anggota : 403 Orang Anggota

3. UCAPAN PENGERUSI LEMBAGA

**Oleh : Hj Muhmad Saupi bin Yunus
Bendahari Koperasi
Koperasi Guru Melayu Kelantan Berhad**

Yang dimuliakan saudara Pengacara Majlis,
Yang dihormati barisan ALK, JAD dan Warga Pengurusan,
Dan anggota kawasan Tanah Merah

Pertama sekali saya memohon maaf di atas kelewatan untuk memulakan mesyuarat pada pagi ekoran ketiadaan bekalan elektrik di sekolah ini secara tiba-tiba.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada anggota yang telah menawarkan “portable” yang membolehkan kita memulakan mesyuarat pada pagi ini walaupun di dalam keadaan yang agak panas dan sedikit gelap.

Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kolej Vokasional Tanah Merah ini yang telah menyediakan dewan ini dan bukan salah pihak sekolah ekoran ketiadaan bekalan elektrik pada ketika ini kerana ianya berlaku diluar jangkauan kita.

Di dalam keadaan yang tidak selesa dan agak panas ini, saya tidak akan mengambil masa yang panjang untuk menyampaikan ucapan saya.

Saya juga ingin menyampaikan salam Tuan Pengerusi Lembaga, Haji Ab Kadir b Ya’acob yang sekarang berada di mesyuarat agung kawasan Tumpat yang diadakan serentak pada pagi ini.

Tuan/puan yang saya hormati,

Anggota di dalam kawasan Tanah Merah ini lebih kurang 800 orang dan mesyuarat sebegini iaitu mesyuarat kawasan hanya diadakan dua tahun sekali sahaja. Saya mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang bersama-sama menghadirkan diri ke mesyuarat pada pagi ini malah sanggup menunggu walaupun di dalam keadaan yang tidak selesa. Saya bagi pihak koperasi memohon berbanyak kemaafaan di atas perkara diluar jangkauan berlaku ini.

Walau bagaimana pun, saya akan memberitahu serba sedikit berhubung maklumat penting yang perlu disampaikan kepada semua anggota. Di dalam beg tuan/puan, pihak koperasi telah pun membekalkan pelbagai pamflet berkaitan dengan aktiviti koperasi. Saya berharap semua anggota bersama-sama menyokong semua aktiviti koperasi ini dan turut mendapat manfaat yang disediakan oleh koperasi.

Tuan/Puan yang saya hormati,

Koperasi kini mempunyai bilangan anggota lebih kurang seramai 9,000 orang dengan jumlah aset sebanyak RM88 juta. Koperasi juga pada masa ini berada di landasan yang betul kerana 100% berlandaskan Undang-Undang Kecil Koperasi (UUK). Koperasi juga kini berada di tangga 44 daripada 100 koperasi terbaik di Malaysia.

Koperasi menyediakan pelbagai tabung kebajikan anggota seperti Tabung Kebajikan Anggota (TKA) dan Kumpulan Wang Biasiswa/Dermasiswa (KWBD) namun masih terdapat anggota yang terlepas pandang perkara ini. Untuk pengetahuan semua anggota, TKA menyediakan

pelbagai manfaat atau sumbangan kepada anggota seperti sumbangan kematian, masuk wad, rawatan kritikal, derma bersara dan bencana alam yang manfaat ini bukan sahaja boleh dinikmati oleh anggota malah pasangan dan anak-anak turut memperolehi manfaat ini. Untuk mengetahui kadar-kadar sumbangan tuan/puan bolehlah menyemak pada pamflet yang telah kita edarkan.

Manakala, bagi tabung KWBD pula, anggota juga memperolehi pelbagai manfaat seperti dermasiswa kepada anggota dan anak anggota sambung belajar di peringkat Ijazah dan juga SPM. Selain itu, koperasi juga memberi sumbangan kecemerlangan seperti STPM, kecemerlangan di peringkat matrikulasi dan diploma, peringkat Ijazah dan tahfiz serta ke peringkat tertinggi seperti master dan juga PHD. Tuan/puan juga bolehlah merujuk kepada pamflet yang diedarkan. Untuk itu, tuan/puan yang hadir pada hari ini sepatutnya menyebarkan dan menyampaikan maklumat sebegini kepada rakan-rakan guru di sekolah masing-masing agar menyertai koperasi. Koperasi juga akan memulangkan semula faedah menjadi anggota kepada anggota melalui bayaran dividen yang dibayar setiap tahun.

Selain itu, terdapat satu lagi tabung iaitu Tabung Khairat Menebus Hutang (TKH) khusus untuk membantu melindungi pinjaman anggota yang telah meninggal dunia.

Bagi aktiviti kredit atau pinjaman pula yang mana merupakan aktiviti utama koperasi, koperasi telah menyediakan atau memperuntukkan sebanyak RM3 juta sebulan untuk kemudahan pinjaman kepada anggota. Koperasi menawarkan caj perkhidmatan yang rendah dan tiada caj yang tersembunyi sepertimana yang dilakukan oleh kebanyakan bank-bank. Tuan/puan juga tidak perlu risau dan bimbang kerana aktiviti kredit atau pinjaman koperasi ini adalah patuh Syariah.

Tuan/Puan yang saya hormati,

Koperasi juga mempunyai Ar-Rahn yang mana setakat hari ini kita telah mempunyai 3 cawangann Ar-Rahn. Saya memohon agar tuan/puan datanglah ke Ar-Rahn Koop Guru ini dan mungkin sedikit masa lagi kita akan cuba untuk membuka cawangan di dalam kawasan Tanah Merah ini.

Selain itu, koperasi turut melakukan aktiviti perumahan dan hartanah. Untuk makluman tuan.puan, di Tanah Merah ini terdapat 10 lot tanah milik koperasi yang akan dijual dan saya memohon agar tuan/puan jika berminat bolehlah membuat tempahan sekarang. Kita ada menyediakan meja khas di belakang dewan ini sekiranya berminat dengan lot tanah ini bolehlah mendapat maklumat lanjut di situ.

Sementara itu, koperasi juga memiliki satu anak syarikat iaitu Bakti Guru Sdn Bhd (BGSB) yang menjalankan pelbagai aktiviti seperti pembaharuan cukai jalan, insurans serta jualan melalui kedai panel untuk pembelian motosikal, komputer, perabot dan lain-lain. Pada masa ini juga, BGSB turut membekalkan air minuman ke sekolah-sekolah dan sekiranya tuan/puan berminat bolehlah menghubungi BGSB untuk mendapat maklumat lanjut berhubung perkara ini.

Tuan/Puan yang saya hormati,

Akhir sekali, saya bagi pihak ALK sekali lagi memohon maaf di atas tidak terselesaikan mesyuarat pada pagi ini. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya berharap semua anggota yang hadir dapat membuat pilihan yang terbaik untuk memilih perwakilan bagi kawasan Tanah Merah ini yang mana kita memerlukan hanya 23 perwakilan daripada 26 calon yang menawarkan diri.

Saya dengan ini sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada tuan/puan yang hadir ke mesyuarat pada pagi dan selamat bersidang.

AGENDA

AGENDA 1 : Memilih seorang Pengerusi Mesyuarat

- 1.1 Pengacara Majlis menjelaskan Pengerusi Mesyuarat Agung Kawasan ini hendaklah dipilih oleh majlis mesyuarat daripada Anggota Koperasi yang hadir.
- 1.2 En Russol bin Mustapha (015777) mencadangkan Che Hassan bin Mat Jusoh (006994) sebagai Pengerusi Mesyuarat, disokong oleh En Mohamad Ashri bin Ismail (008847)

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 2 : Memilih seorang Setiausaha Mesyuarat

- 2.1 Pengacara majlis turut menjelaskan seorang Setiausaha mesyuarat juga perlu dipilih oleh majlis mesyuarat daripada Anggota Koperasi yang hadir.
- 2.2 Che Hassan bin Mat Jusoh (006994) mencadangkan En Russol bin Mustapha (015777) sebagai Setiausaha Mesyuarat, disokong oleh En Zahari bin Ismail (011447)

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara

AGENDA 3 : Menerima dan Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan Kali Ke – 12/2017

- 3.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Setiausaha Lembaga Tuan Hj Mohamad Razali bin Hj Bakar membentangkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan kali ke - 12/2017.
- 3.2 Tuan Hj Mohamad Razali bin Hj Bakar membentangkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan Kali Ke - 12/2017 untuk diterima dan disahkan dari muka surat 1 hingga 10.
- 3.3 Puan Rohani bt Abu Hassan (018303) mencadangkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan Kali Ke 12/2017 diterima dan disahkan, disokong oleh Puan Siti Kazimah bt Yusoff (013970).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 4 : Menimbang Laporan Lembaga 2018

- 4.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Setiausaha Lembaga Tuan Hj Mohamad Razali bin Hj Bakar membentangkan draf Laporan Lembaga Bagi Tahun 2018.
- 4.2 Tuan Hj Mohamad Razali bin Hj Bakar membentangkan draf Laporan Lembaga bagi Tahun 2018 bermula di muka surat 1 hingga 48.

- 4.3 Puan Nik Hasni bt Nik Yaakub (013388) mencadangkan draf Laporan Lembaga bagi Tahun 2018 diterima dan disahkan, disokong oleh Puan Zubaida bt Mat Bakri (017978).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 5 : Memilih Anggota Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 24/2019

AGENDA 5 iaitu **Memilih Perwakilan Ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 24/2019** telah di pinda ke **AGENDA 9** dan **AGENDA 6** menjadi **AGENDA 5** iaitu **Menimbang draf akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2018.**

AGENDA 5 : Menimbang draf akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2018.

- 5.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Bendahari, Tuan Hj Muhmad Saupi bin Yunus untuk membentangkan draf akaun bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.
- 5.2 Tuan Hj Muhmad Saupi bin Yunus, Bendahari membentangkan draf akaun koperasi berakhir 31 Disember 2018 dari muka surat 1 hingga 14 (sebagaimana buku kuning yang diedarkan).
- 5.3 Puan Zabariah bt Mamat (012672) mencadangkan draf akaun koperasi berakhir 31 Disember 2018 diterima dan disahkan, disokong oleh Puan Azmawati bt Abdullah (011723).

Keputusan: Mesyuarat bersetuju sebulat suara

AGENDA 6 : Menimbang Belanjawan Tahunan Bagi Tahun 2020 Semakan 2019 Untuk Dibentang Dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke-24/2019

- 6.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Bendahari, Tuan Hj Muhmad Saupi bin Yunus untuk membentangkan belanjawan tahunan bagi tahun 2020 dan semakan belanjawan 2019 untuk dibentang dalam Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke-24/2019.
- 6.2 Tuan Hj Muhmad Saupi bin Yunus membentangkan belanjawan tahunan bagi tahun 2020 dan semakan 2019 untuk dibentang dalam Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke 24/2019 dari muka surat 15 hingga 23.
- 6.3 Puan Zabariah bt Mamat (012672) mencadangkan belanjawan tahunan bagi tahun 2020 dan semakan 2019 diterima dan disahkan, disokong oleh Puan Azmawati bt Abdullah (011723).

Keputusan: Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 7 : Menimbang Cadangan Pindaan Kepada Undang-Undang Kecil Dan Atura-Aturan Aktiviti Koperasi Jika Ada

- 7.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Setiausaha Lembaga membentangkannya.
- 7.2 Setiausaha Lembaga menjelaskan tiada cadangan pindaan kepada undang-undang kecil dan Aturan-Aturan Aktiviti Koperasi untuk dibentangkan.

AGENDA 8 : Menimbang Dan Meluluskan Usul Daripada Anggota Lembaga Dan Anggota Koperasi, Jika Ada, Yang Diterima Tujuh (7) Hari Sebelum Tarikh Mesyuarat Agung Kawasan

- 8.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Setiausaha Lembaga membentangkannya.
- 8.2 Setiausaha Lembaga menjelaskan tiada usul diterima dalam tempoh 7 hari sebelum Mesyuarat Agung Kawasan.
- 8.3 Pengerusi Mesyuarat mencadangkan agar elaun kehadiran untuk Mesyuarat Agung Kawasan untuk akan datang dinaikkan kepada RM 100.00 kepada anggota yang hadir.
- 8.4 Bendahari koperasi, Hj Muhmad Saupi memaklumkan sekiranya keuntungan koperasi meningkat pada masa hadapan pihak Anggota Lembaga akan pertimbangkan cadangan ini, dan memohon agar anggota koperasi sama-sama menyokong aktiviti perniagaan yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan keuntungan koperasi.

AGENDA 9 : Memilih Anggota Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 24/2019

- 9.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Pengerusi JK Pemilihan, En Mohd Zin bin Halim untuk memberi penerangan tentang cara pemilihan dan tatacara pemilihan.
- 9.2 En Mohd Zin bin Halim, Pengerusi JK Pemilihan mengumumkan calon-calon perwakilan yang bertanding di Kawasan Tanah Merah pada hari ini seramai 26 orang dan meminta semua calon tampil ke hadapan. Seorang calon tidak dapat hadir dengan izin pada hari ini iaitu En Nordin bin Rawi kerana urusan kerja penting dan beliau telah mengemukakan surat makluman kepada pihak koperasi sebelum mesyuarat ini diadakan. Selain itu, calon yang namanya dipanggil sebanyak tiga kali dan tidak hadir ke hadapan semasa namanya dipanggil secara automatik pencalonannya terbatal.
- 9.3 Beliau mengumumkan calon-calon perwakilan yang bertanding di kawasan Tanah Merah pada hari ini seramai 26 orang dan perwakilan yang diperlukan untuk kawasan ini hanyalah 23 orang sahaja. Calon-calonnya adalah seperti berikut :

NO. CALON	NO. ANGGOTA	NAMA	ALAMAT
01	011447	ZAHARI BIN ISMAIL	SK TANAH MERAH (1)
02	010735	MOHAMAD RAHIM BIN YUSOFF	SMK TANAH MERAH (2)
03	015777	RUSSOL BIN MUSTAPHA	SK BELIMBING
04	004046	IBRAHIM BIN MOHD HANIFA	NO 3 HILIR KUBOR KG KELEWEK, TANAH MERAH

05	008684	KAMARUDIN BIN MOHAMAD	DE VILLA PT 5006 LORONG 3 MANAL 3, TANAH MERAH
06	006344	CHE ABDULLAH BAKORI BIN MAT YAAKOB	PPD TANAH MERAH
07	009407	CHE KAMAHMUDIN BIN CHE SOH	SK SRI KELEWEK
08	016607	MOHD BASRI BIN MAT ZAIN	SK SRI SURIA 2
09	007691	MAT ARIFFIN BIN YUSOFF	PPD TANAH MERAH
10	007891	MAZNAH BT MAKHTAR	MAAHAD AHMADI TANAH MERAH
11	010058	JAAFAR BIN MAMAT	SK NIK DAUD
12	005604	KAMARUZAMAN BIN HJ DAUD	LOT PT 6842 KAMPUNG CHAT RIMAU, TANAH MERAH
13	011436	OTHMAN BIN MAT JALI	SK BUKIT PANAU
14	013652	AMRAN BIN JAAFAR	SK NIK DAUD
15	008529	NORDIN BIN RAWI	SK BUKIT PANAU
16	013529	DHARMA BIN WAHAB	SMK ALOR PASIR
17	012130	ROZANI BIN IBRAHIM	SMK TANAH MERAH (2)
18	008676	MOHD NASIR BIN MUSTAPHA	SK SRI KELEWEK
19	006787	MOHD APANDI BIN ARIFIN	SK TEBING TINGGI
20	015484	OTHMAN BIN MAMAT	PPD TANAH MERAH
21	006994	CHE HASSAN BIN MAT JUSOH	LOT 5368 TAMAN TEN, TANAH MERAH
22	008847	MOHD ASHRI BIN ISMAIL	SK IPOH
23	010893	FAUDZI BIN MAMAT	SMK ALOR PASIR
24	016071	ZAKARIA BIN DERAHMAN	SK BUKIT PANAU
25	011872	AHMAD FAKHRURAZI BIN MOHAMMAD NAWAWI	SK GUAL JEDOK
26	010159	MUHAMMAD BIN ISMAIL	SK SRI KELEWEK

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

Pengundian dijalankan secara sulit dan dikendalikan oleh pihak ANGKASA.

- 9.4 Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan mengumumkan calon-calon perwakilan yang menang bagi kawasan ini setelah proses pengundian selesai dijalankan oleh pihak Angkasa. Nama-nama calon yang menang adalah seperti berikut :

BIL	NO. ANGGOTA	NAMA	ALAMAT
1	006344	CHE ABDULLAH BAKORI BIN MAT YAAKOB	PPD TANAH MERAH
2	008676	MOHD NASIR BIN MUSTAPHA	SK SRI KELEWEK
3	015777	RUSSOL BIN MUSTAPHA	SK BELIMBING
4	011447	ZAHARI BIN ISMAIL	SK TANAH MERAH (1)
5	009407	CHE KAMAHRUDIN BIN CHE SOH	SK SRI KELEWEK
6	015484	OTHTMAN BIN MAMAT	PPD TANAH MERAH
7	016607	MOHD BASRI BIN MAT ZAIN	SK SRI SURIA 2
8	007691	MAT ARIFFIN BIN YUSOFF	PPD TANAH MERAH
9	011436	OTHTMAN BIN MAT JALI	SK BUKIT PANAU
10	006994	CHE HASSAN BIN MAT JUSOH	LOT 5368 TAMAN TEN, TANAH MERAH
11	010735	MOHAMAD RAHIM BIN YUSOFF	SMK TANAH MERAH (2)
12	010058	JAAFAR BIN MAMAT	SK NIK DAUD
13	013529	DHARMA BIN WAHAB	SMK ALOR PASIR
14	008847	MOHD ASHRI BIN ISMAIL	SK IPOH
15	008684	KAMARUDIN BIN MOHAMAD	DE VILLA PT 5006 LORONG 3 MANAL 3, TANAH MERAH
16	005604	KAMARUZAMAN BIN HJ DAUD	LOT PT 6842 KAMPUNG CHAT RIMAU, TANAH MERAH
17	012130	ROZANI BIN IBRAHIM	SMK TANAH MERAH (2)
18	004046	IBRAHIM BIN MOHD HANIFA	NO 3 HILIR KUBOR KG KELEWEK, TANAH MERAH
19	007891	MAZNAH BT MAKHTAR	MAAHAD AHMADI TANAH MERAH
20	013652	AMRAN BIN JAAFAR	SK NIK DAUD
21	006787	MOHD APANDI BIN ARIFIN	SK TEBING TINGGI
22	010893	FAUDZI BIN MAMAT	SMK ALOR PASIR
23	010159	MUHAMMAD BIN ISMAIL	SK SRI KELEWEK

Keputusan : Majlis mesyuarat bersetuju sebulat suara.

PENCATAT MINIT :

1. PUAN WAN ROSNIDA BT WAN IBRAHIM
2. PUAN NOR FAZIEDAH BT SULONG

TANDATANGAN PENGERUSI MESYUARAT:



.....
EN CHE HASSAN BIN MAT JUSOH (006994)

TANDATANGAN SETIAUSAHA MESYUARAT:



.....
EN RUSSOL BIN MUSTAPHA (015777)